

# Peniaga 'rambo' Jalan TAR semakin berani

Kumpulan tak lagi takut menentang penguat kuasa DBKL

Oleh Farah Marshita Abdul Patah  
farahmarshita@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kehadiran peniaga 'rambo' Jalan Tuanku Abdul Rahman (TAR) bukanlah sesuatu yang baharu di ibu kota, namun akhir-akhir ini kumpulan itu dikatakan semakin berani mencabar pihak berkuasa.

Lebih membimbangkan, kumpulan itu dikatakan menjadikan tindakan menentang Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sebagai perlakuan berulang, terutama ketika Ramadan dan menjelang Syawal.

Jumaat lalu, keadaan tenang sekitar Jalan TAR digemparkan dengan kekecohan membabitkan beberapa kumpulan indivi-

du dengan penguat kuasa DBKL. Kejadian terbabit tular di media sosial itu dipercayai disebabkan tindakan penguat kuasa DBKL terhadap individu yang didakwa berniaga tanpa lesen di tempat berkenaan.

Mengulas mengenai tindakan tegas diambil DBKL, Pengerusi Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Ampang (PEKA), Ayob Abdul Majid, berkata penguat kuasa di Jalan TAR sudah banyak bertolak ansur dengan peniaga asing dan tempatan yang tidak mempunyai lesen serta lebih dikenali sebagai peniaga 'rambo'.

Malah katanya, penguat kuasa DBKL ada masanya akan menutup sebelah mata, terutama ketika waktu terbuka pu-

asa dengan tidak mengambil tindakan terhadap mereka yang berniaga di depan pusat beli-belah di Jalan TAR.


"Saya melihat sendiri penguat kuasa DBKL berlembut dengan peniaga 'rambo' itu. Penguat kuasa pun tengok sahaja kerana mereka tahu ketika waktu terbuka akan ada ramai orang yang mahu membeli.

"Lagi-lagi dekat hari raya, orang pun ramai. Jadi, DBKL pun bagi peluang. Saya tak nampak pun yang DBKL menghalau peniaga 'rambo' di Jalan TAR, sedangkan tindakan mereka salah di sisi undang-undang," katanya kepada BH.

Dalam hal membabitkan penjaja belon dikenakan tindakan

“Kita sebagai peniaga faham kesusahan masing-masing. Saya pun tengah susah. Anak sedang sekolah, tetapi kami tidak ambil jalan mudah atau murah”

Ayob Abdul Majid,  
Pengerusi PEKA



Tangkap layar kejadian peniaga 'rambo' menentang penguat kuasa DBKL di Jalan TAR.

DBKL, Ayob berkata, individu berkenaan dikatakan sudah diberi amaran sebanyak tiga kali.

## Berani bertindak melampau

Katanya, kebanyakan penjaja belon berniaga di depan Kompleks Pertama tidak mengganggu mana-mana pihak.

"Penjaja belon di depan premis perniagaan lain mengganggu dan menghalang penjual serta pembeli. Penjaja belon lain tiada masalah dengan penguat kuasa kerana mereka patuh dengan arahan," katanya.

Mengulas mengenai kehadiran peniaga 'rambo' Jalan TAR Ayob berkata, kewujudan mereka bukan baharu.

Bagaimanapun, katanya, ti-

ada tindakan tegas diambil penguat kuasa sehingga menyebabkan kumpulan berkenaan berani bertindak secara melampau.

"Mereka sudah tak peduli. Pengurusan Kompleks MARA Digital terpaksa menggunakan pembesar suara kerana mereka masuk ke dalam premis berkenaan.

"Kita sebagai peniaga faham kesusahan masing-masing. Saya pun tengah susah. Anak sedang sekolah, tetapi kami tidak ambil jalan mudah atau murah.

"Saya masuk ke bangunan MARA itu dengan membayar sewa. Jadi, harap pihak berkuasa boleh melakukan sesuatu untuk tangani isu peniaga 'rambo' ini," katanya.